



TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENGHANTARAN ARTIKEL KEPADA STESEN RADIO

PENGENALAN

1. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (DIKENALI SEBAGAI “T&C”) INI ADALAH TERPAKAI KEPADA SEMUA PENGHANTAR ARTIKEL KE STESEN RADIO YANG DIMILIKI / DIKENDALIKAN / DIJAGA OLEH ASTRO RADIO SDN BHD (DIKENALI SEBAGAI “ASTRO RADIO” / “KAMI”).
2. T&C INI BOLEH DIPINDA ATAU DIUBAH DARI SEMASA KE SEMASA OLEH ASTRO RADIO TANPA SEBARANG NOTIS, DAN PENYERTAAN ANDA SELEPAS ITU AKAN DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN ANDA KEPADA MODIFIKASI, PERUBAHAN, PEMINDAAN ATAU UPDATE TERSEBUT.
3. Penyertaan anda juga akan dianggap bahawa anda telah membaca, mengetahui, menerima dan bersetuju dengan T&C dan Notis Privasi yang terdapat di laman web kami.
4. TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh kami berkaitan semua penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh anda kepada kami.

TAKRIFAN

5. Dalam T&C, melainkan yang tidak konsisten dengan konteks atau dinyatakan sebaliknya, ungkapan berikut mempunyai makna yang dibentangkan berikutnya –

“Astro Group”	bermakna Astro Malaysia Holdings Sdn Bhd (“AMH”) dan sesiapa atau sebarang entiti yang dikuasai oleh, atau dibawah kawalan bersama AMH. “Kuasa” bermakna pemilikan saham sebanyak lima puluh peratus (50%) atau lebih undi yang boleh dipakai semasa mesyuarat agung (atau yang bersamaan) satu syarikat.
“Astro Radio / Kami”	bermakna Astro Radio Sdn Bhd (403472-D).
“Kandungan”	Bermakna semua bentuk teks, pautan, gambar, grafik, video, audio, fail, imej, gambar, logo, klip video, streaming video, berita, berita semasa atau data atau maklumat.
“Platform”	Bermakna stesen radio, laman web, aplikasi mudah alih, platform sosial media dan platform lain yang mungkin dimiliki, dikendalikan dan/atau dioperasikan oleh Astro Radio, Astro Group dan/atau rakan kongsi perniagaan kami, dari semasa ke semasa.
“Pos/Dipos”	Bermakna untuk menyampaikan, menghantar, menerbitkan, mempamerkan, menyerahkan dan/atau muat naik.
“Pengguna/Anda”	bermakna individu atau entiti yang menyertai penghantaran artikel, yang mana termasuk (walaupun tidak terhad kepada) pendengar, peserta, organisasi dan syarikat.
“Kandungan Dihadirkan Pengguna”	Yang bermakna sebarang material, artikel, data yang dikongsi, atau sumbangan yang dimuatnaik tanpa had termasuk semua bentuk teks, pautan, gambar, grafik, video, audio, fail, imej, gambar, logo, klip video, streaming video, berita, berita semasa atau data atau maklumat yang Dipos oleh mana-mana Pengguna (termasuk anda)



kepada kami.

PENGURUSAN DATA PERIBADI

6. Data peribadi

- 6.1 Untuk mengetahui bagaimana kami mengumpul dan melindungi data peribadi anda, sila rujuk Notis Privasi yang terdapat di dalam laman web kami. Sebarang maklumat yang bukan peribadi atau material yang dihantar oleh anda kepada kami secara amnya TIDAK akan dianggap sebagai sulit.
- 6.2 Kami hanya akan mengumpul, memproses, menggunakan dan berkongsi maklumat peribadi anda menurut Notis Privasi kami dan sebagaimana yang dibentangkan dalam T&C. Dengan mengakses / menyertai penghantaran artikel ini, anda akan dianggap telah memberi kebenaran kepada pihak kami untuk mengumpul, memproses, menggunakan dan berkongsi maklumat peribadi anda menurut Notis Privasi kami. Sekiranya anda tidak bersetujui dengan Notis Privasi kami, anda tidak harus mengakses atau menyertai penghantaran artikel ini.
- 6.3 Jika anda berusia di bawah umur lapan belas (18) tahun, anda mesti meminta kebenaran ibu bapa dan/atau penjaga sebelum menyertai penghantaran artikel. Kami menganggap ibu bapa dan/atau penjaga adalah bertanggungjawab untuk memantau penghantaran artikel oleh anak-anak mereka. Dengan bersetuju dengan T&C ini, anda membuat representasi dan menjamin bahawa anda mempunyai hak, otoriti dan keupayaan untuk membuat penghantaran artikel ini dan akan mematuhi semua T&C di sini.

KANDUNGAN YANG DIHASILKAN PENGGUNA

7. Anda menjamin bahawa anda tidak akan Pos sebarang Kandungan dalam artikel –

- 7.1 Yang mengandungi bahan lucah atau pornografi, termasuk penggunaan bahasa kasar atau tidak sesuai dan / atau rujukan seksual;
- 7.2 Yang menggalakkan perkauman, ketaksuban, kebencian atau kecederaan fizikal dalam apa jua bentuk terhadap mana-mana kumpulan atau individu atau parti politik;
- 7.3 Yang mengganggu atau menyebabkan gangguan terhadap orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja-pekerja, pemegang-pemegang saham, pengarah-pengarah, kontraktor-kontraktor, ejen-ejen dan lain-lain;
- 7.4 Yang merangkumi apa-apa maklumat yang anda tahu adalah palsu, menipu atau mengelirukan;
- 7.5 Yang menggalakkan aktiviti haram atau kelakuan yang kesat;
- 7.6 Yang melanggar sebarang hak harta intelek atau hak milik orang lain;
- 7.7 Yang mengancam, lucah, fitnah, atau libel kepada mana-mana individu atau organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada sekutu-sekutu kami, pekerja-pekerja, pemegang-pemegang saham, pengarah-pengarah, kontraktor-kontraktor, ejen-ejen dan lain-lain;
- 7.8 Yang menjadi atau termasuk sebarang salinan haram atau tidak sah karya hak cipta atau hak cipta orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, (a) program komputer cetak rompak atau pautan kepada mereka, (b) muzik cetak rompak, imej atau video, atau pautan ke muzik cetak rompak, fail imej atau video;
- 7.9 Yang anda tidak mempunyai hak secara sah (seperti maklumat dalaman, maklumat yang dimiliki oleh orang lain atau maklumat sulit);
- 7.10 yang merangkumi atau termasuk apa-apa promosi, jualan atau aktiviti komersial yang

- lain seperti cabutan bertuah, tukar barang, pengiklanan atau aktiviti pemasaran yang lain; dan
- 7.11 yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan termasuk apa-apa kod dan nasihat garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.
8. Kami merizabkan hak untuk menyasat dan mengambil tindakan undang-undang yang sesuai, mengikut budi bicara kami, terhadap sesiapa yang melanggar mana-mana atau bahagian daripada peruntukan dalam fasal 7 ini, termasuk tanpa had kepada melaporkan kesalahan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Anda akan membayar balik semua yuran guaman, kerosakan dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung oleh kami akibat kemungkinan anda atas sebarang waranti tersebut.

PENGHANTARAN ARTIKEL OLEH PENGGUNA

9. Penghantaran Artikel
- 9.1 Pastikan artikel dan kandungan yang anda kongsi mempunyai elemen trending, dan selari seperti yang disenaraikan di bawah fasal 7.
- 9.2 Kandungan yang dihantar hendaklah merupakan hasil nukilan anda sendiri. Sekiranya anda menggunakan bahan dari mana-mana sumber, pastikan anda memberi kredit sumber asal bahan berkenaan. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang plagiat dan info serta maklumat yang tidak sah.
- 9.3 Astro Radio akan menapis artikel yang dihantar oleh pengguna dan berhak untuk menolak atau membantah penyertaan anda untuk apa-apa alasan, termasuk (tanpa had) penghantaran yang tidak lengkap atau sebarang pelanggaran peruntukan dalam T&C. Hanya artikel yang mengandungi kandungan yang sesuai akan dipaparkan di laman web Radio Stesen.
- 9.4 Tiada ganjaran atau wang tunai akan diberikan atas penghantaran mana-mana artikel.
10. Sebagai balasan Astro Radio menawarkan anda peluang untuk menyertai penghantaran artikel, anda dengan ini tanpa syarat dan tidak boleh dibatalkan –
- 10.1 Menjamin dan membuat representasi bahawa anda mempunyai semua hak, persetujuan dan kuasa yang diperlukan untuk membolehkan dan memberi kuasa kepada Astro Radio untuk mempunyai hak yang kekal dan budi bicara mutlak untuk menyiarkan, menggunakan, mengeluarkan semula, mengedit, mengubah suai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat derivatif kerja dari, menyimpan, mengedar, mempersembahkan, memainkan, menjadikan tersedia untuk orang ramai, dan menjalankan segala hak cipta dan publisiti berkenaan dengan Kandungan yang Dihasilkan Pengguna di seluruh dunia dan/atau menggabungkan Kandungan Dihasilkan Pengguna dalam kerja-kerja lain dalam mana-mana Platform, yang diketahui kini atau yang akan dihasilkan kemudian, untuk sebarang hak pada terma sepenuhnya yang mungkin wujud dalam Kandungan yang Dihasilkan Pengguna, dan mengikut sekatan privasi yang terdapat dalam Notis Privasi kami;
- 10.2 bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna yang dihantar kepada kami dan semua hak cipta yang wujud dalam Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna adalah hak milik Astro Radio sepenuhnya;



- 10.3 bersetuju bahawa Astro Radio berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menggunakan dan mengeksploitasi Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna melalui apa-apa cara atau media dan dalam mana-mana Platform dan pada bila-bila masa yang difikirkannya patut tanpa mendapat apa-apa persetujuan atau membuat apa-apa bayaran jua kepada anda dan/atau mana-mana pihak ketiga;
 - 10.4 mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami T&C dan anda bersetuju untuk mematuhi dengan sewajarnya dan bersetuju untuk bekerjasama;
 - 10.5 bersetuju bahawa sama ada atau tidak Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna yang disiarkan, digunakan, dihasilkan semula, diedit, diubah suai, disesuaikan, diterbitkan, diterjemahkan, disimpan, diedarkan, dimainkan atau disediakan kepada orang ramai oleh kami, kami tidak menjamin apa-apa kesulitan berkenaan dengan mana-mana Kandungan yang Dihasilkan Pengguna;
11. T&C hendaklah ditafsirkan, ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

PEMBATASAN LIABILITI

12. Anda selama-lamanya mengetepikan, melepaskan dan membebaskan Astro Radio, agensi-agensi, sekutu-sekutu, penaja-penaja dan wakil-wakil daripada dan terhadap, sebarang dan semua liabiliti, kos, kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang anda atau mana-mana pihak yang menuntut melalui anda selepas ini yang mungkin timbul daripada penghantaran artikel oleh anda termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kecederaan diri, fitnah, tuntutan pihak ketiga dan / atau kerosakan kepada harta dan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada itu atau boleh dijangka.

TANGGUNG RUGI

13. Anda bersetuju untuk menanggung kerugian Astro Radio, syarikat-syarikat gabungan, ejen-ejen dan penaja-penaja daripada dan terhadap semua liabiliti, kos, kerugian atau perbelanjaan yang dialami yang timbul daripada atau akibat daripada pelanggaran mana-mana obligasi dan waranti dalam T&C susulan dari penghantaran artikel anda termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kecederaan diri, fitnah, tuntutan pihak ketiga dan/atau kerosakan kepada harta dan sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada itu atau boleh dijangka.
14. Hak dan keistimewaan diberikan kepada Astro Radio di sini adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada pembatalan, sekatan atau injunksi di bawah mana-mana dan semua keadaan. Dalam apa jua keadaan, anda tidak mempunyai hak untuk mendapatkan relif injunksi atau untuk menghalang operasi dan perniagaan Astro Radio dan/atau Astro Group.
15. Ketidaksahan mana-mana terma, penyalahan undang-undang mana-mana terma atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma di bawah ini tidak boleh menjejaskan atau merosakkan penguatkuasaan bersinambungan yang berkenaan dengan terma-terma baki dalam T&C.

* * * * *